

05 JUN 1998

Osu

OSU ANGKAT SUMPAH ISNIN INI

KOTA KINABALU, 5 Jun (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah, Datuk Osu Sukam yang dilantik mengisi kekosongan jawatan Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Kewangan akan mengangkat sumpah memegang jawatan di Istana Negeri di sini, Isnin ini.

Osu yang akan melepaskan jawatannya sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi berkata majlis angkat sumpah itu akan diadakan di hadapan Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai pada 11 pagi.

"Saya telah mengadakan pertemuan dengan Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok pagi ini dan memaklumkan pelantikan saya ke dalam Kabinet negeri Sabah serta membincangkan proses mengangkat sumpah itu," katanya semasa ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini untuk berlepas balik ke Kuala Lumpur selepas mengadakan pertemuan dengan Dompok.

Jawatan Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan kosong berikutan keputusan Datuk Abdul Ghapur Salleh untuk tidak menyertai Kabinet negeri pimpinan Dompok.

Mengenai pengganti beliau di peringkat Persekutuan, Osu berkata ia terpulanglah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memutuskannya.

"Sudah tentu kita di Umno Sabah akan menyampaikan hasrat kita kepada Perdana Menteri (berhubung perkara ini) dan terpulanglah kepada beliau untuk mempertimbangkan hasrat itu," katanya.

Mengenai pelantikannya dalam Kabinet negeri, Osu berkata, ia adalah peluang kepada beliau untuk memberi perkhidmatan secara khusus kepada Sabah selepas 12 tahun bertugas di peringkat Persekutuan.

Mengenai cabaran yang bakal dihadapi sebagai Menteri Kewangan Sabah lebih-lebih lagi dalam suasana kegawatan ekonomi ketika ini, Osu berkata, beliau perlu menunjukkan bahawa walaupun berlaku kegawatan ekonomi tetapi kerajaan terus prihatin kepada masalah rakyat, khususnya di kawasan luar bandar.

"BN adalah kerajaan yang bukan sahaja mengutamakan kepentingan rakyat tetapi prihatin kepada nasib mereka," katanya.

-- BERNAMA

JS OBA